



## OBJEKTIF SEMINAR

- Peningkatan kesedaran dalam kalangan peserta mengenai skim-skim keselamatan sosial dan pematuhan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 khususnya dalam konteks penguatkuasaan demi memantapkan dana PERKESO.
- Memberi maklumat terkini, rasional dan manfaat mengenai perbankan internet menerusi interaksi 3 dimensi iaitu PERKESO, panel bank PERKESO dan para peserta seminar (majikan).
- Membolehkan para peserta seminar melanggan secara terus di kaunter promosi yang dikendalikan oleh panel bank-bank yang beroperasi pada hari seminar.
- Memberi informasi dan perkembangan semasa yang mesra pelanggan dan pendekatan konsep PERKESO Prihatin menerusi pelbagai aktiviti yang dijalankan.

## PANDUAN PENYERTAAN

- Mengisi borang penyertaan dan kemukakan kepada Urusetia Seminar selewat-lewatnya 7 hari sebelum tarikh seminar.
- Yuran seminar sebanyak RM150 seorang dan dibayar dalam bentuk wang pos atau cek atas nama '**KETUA EKSEKUTIF PERKESO**' dan perlu disertakan bersama borang penyertaan.
- Pendaftaran tanpa bayaran adalah dianggap tidak sah.
- Kegagalan menjelaskan bayaran akan menyebabkan larangan daripada menyertai seminar tersebut.
- Penganjur berhak untuk meminda tarikh dan menentukan lokasi yang bersesuaian dengan keperluan semasa.

## PROFIL PENCERAMAH



### MOHAMAD ASRI BIN NGOSMAN

Berkeputusan Sarjana Pengurusan Pemiagaan (MBA) UPM. Telah berkhidmat 25 tahun dan pernah menjawat jawatan sebagai Pengurus Perhubungan Awam, Setiausaha Lembaga PERKESO, Pengurus Besar Bahagian Perancangan & Hal Ehwal Korporat dan Pengarah PERKESO Kuala Lumpur. Pernah mewakili PERKESO dalam pelbagai seminar, mesyuarat dan forum antarabangsa antaranya ASEM Seminar On Social Dialogue In Asia & Region di Bali Indonesia (2015), 37th APEC Human Resources Development Working Group Meeting (2015), Proci's Change Management Certification Program di Melbourne, Australia (2012) International Labour Organization (ILO) Korea Fellowship Training On Strengthening Social Protection In Asia Region di Seoul Republic of Korea (2008) dan sebagainya.



### MOHD ALI HINDIA

Menjawat jawatan sebagai Pengurus Cawangan Perancangan, Pembangunan dan Dasar Bahagian Perancangan dan Hal Ehwal Korporat, Ibu Pejabat PERKESO. Memulakan perkhidmatan dengan PERKESO pada 27 Mac 1991 di Pejabat PERKESO Lahad Datu dan telah menjawat pelbagai portfolio sebagai Pengurus Pejabat PERKESO Keningau, Pengurus Pejabat PERKESO Tawau dan Timbalan Pengarah PERKESO Negeri Sabah. Kali pertama bertugas di Ibu Pejabat sebagai Pengurus Unit Dasar pada 2 Januari 2008 dan kini sebagai Pengurus Cawangan. Pernah mewakili PERKESO dalam pelbagai seminar antarabangsa di Republik Korea, Perancis, Itali, Jakarta dan Sydney.



### RAHIL SAFURA BINTI MUSTAFA

Berjawatan sebagai Akauntan Kanan (Pungutan) di Bahagian Perbendaharaan, Ibu Pejabat PERKESO. Beliau memulakan perkhidmatan sebagai Juruaudit di Firma Audit selama 2 tahun, Konsultan Sistem Perakaunan Bagi Sektor Awam serta Swasta selama 8 tahun dan Akauntan Kanan di PERKESO selama 6 tahun. Beliau merupakan ahli kepada Focus Group PEMUDAH dan Malaysian Institute of Accountant. Beliau juga pernah mengikuti kursus atau seminar yang dianjurkan oleh Bank Negara dan MOF.



### MAGHESUN A/L P KRISHNASAMY

Memulakan perkhidmatan dengan PERKESO sejak tahun 1992 sebagai Pegawai Eksekutif di Pejabat PERKESO Kluang, Sungai Petani, Klang dan Kuala Lumpur. Seterusnya beliau telah memegang jawatan sebagai Pegawai Tadbir di Pejabat Pulau Pinang dan kini memegang jawatan sebagai Pengurus Unit Aduan, Bahagian Perancangan & Hal Ehwal Korporat, Ibu Pejabat PERKESO dan pernah mewakili PERKESO ke Seminar Antarabangsa di London dan Melbourne.

## JADUAL SEMINAR

Tarikh	Lokasi
19.04.2016	Concorde Hotel, Shah Alam Selangor
10.05.2016	Vistana Hotel, Kuantan Pahang
24.05.2016	Palm Seremban Hotel, Negeri Sembilan
26.05.2016	Swiss-Garden Hotel & Residences, Melaka
26.07.2016	Kuching
09.08.2016	Johor Bahru
16.08.2016	Kota Bharu
18.08.2016	Kuala Terengganu
06.09.2016	Pulau Pinang
08.09.2016	Ipoh
27.09.2016	Kangar - Alor Setar
11.10.2016	Kota Kinabalu
25.10.2016	Kuala Lumpur